

TEKS UCAPAN

SETIAUSAHA PERBANDARAN

MAJLIS PERASMIAN BENGKEL KITAR SEMULA KREATIF

30 DISEMBER 2013 (ISNIN), JAM 3 PETANG

.....
Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Anas Bin Mohd Kassim

Timbalan Pegerusi Khariah Masjid Permatang Nibong

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan Nya dapat kita berkumpul pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawantankuasa Pusat Sumber Alam sekitar Kampung Permatang Nibong, Tuan Imam Mansor, En Abdul

Rahman, En Mad Zain, Tetuan Virogreen Sdn Bhd, Kilus Foundation dari Pasig City, Manila, Pegawai dan staf MPSP khususnya En Chew Eng Seng yang telah berusaha menjayakan Bengkel Kitar Semula Kreatif di Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong, Permatang Pauh.

Hadirin sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai amat berbesar hati menganjurkan program-program yang bertujuan memelihara dan memulihara alam sekitar. Sehingga kini MPSP telah berjaya menubuhkan tiga Pusat Sumber Alam Sekitar, Enam komuniti kebun kejiranan, lapang komuniti sifar, 32 sekolah sifar dan 84 buah sekolah, yang mengikuti program sekolah hijau yang mewakili 36% daripada jumlah sekolah di Seberang Perai (233 buah sekolah). MPSP telah berjaya meningkatkan kadar Kitar Semula dari 29% pada tahun 2012 kepada 32% tahun 2013, hasil daripada usaha MPSP, Ahli-Ahli Majlis dan komuniti melalui strategi komuniti mampan. MPSP bersama kerajaan Negeri telah berjaya memupuk tiga Pusat Sumber Alam Sekitar iaitu Pusat sumber Alam sekitar Permatang Nibong, Pusat Sumber Alam Sekitar Bagan Lalang dan Pusat Sumber Alam Sekitar SPT di Tmn Desa Damai menjadi tempat Pendidikan bagi penjagaan alam sekitar dan tempat latihan

amali bagi peserta seminar antarabangsa anjuran Kerajaan Negeri bersama UNEP atau mana - mana badan lain yang diadakan di Pulau Pinang. Seterusnya dengan usaha padu dari semua pihak, akan mempercepatkan lagi usaha untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang khususnya Seberang Perai lebih Bersih, Hijau, Selamat, Sihat dan menjadi Pusat kecemerlangan Alam Sekitar.

Bengkel Kitar Semula Kreatif yang dianjurkan pada hari ini, merupakan inisiatif bersama Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tujuan melatih Penduduk menggunakan semula (reused) bahan buangan dari kertas, plastik atau doy pack untuk dijahit, dianyam atau dimanikkan supaya menjadi bahan yang mempunyai nilai pasaran.

Fasilitator Kepada program ini adalah SVAC Virogreen Sdn Bhd, sebuah Syarikat industri hijau yang mempromosikan biogas dari sisa dapur. Syarikat ini melalui program CSR telah membawa tiga pengajar dari Kilus Foundation untuk mengajar 20 pelatih dari kalangan penduduk Kpg Permatang Nibong. Program Latihan ini dibahagi kepada tiga iaitu, menjahit bahan plastik seperti plastik beras menjadi beg, mengayam bahan plastik menjadikan hasil anyaman dan memanic atau membuat aksesori seperti gelang atau rantai dari kertas majalah terpakai. Bengkel ini akan berjalan selama Empat belas hari dari jam 9.00 pagi hingga

12.00 tengahari dan dari jam 9.00 malam hingga 11.30 malam setiap hari. Program ini akan berakhir pada 12 Januari 2014.

Tiga tenaga pengajar dari Kilus Foundation Philippine akan tinggal bersama keluarga angkat yang mereka panggil mama. Mereka juga akan belajar budaya masyarakat disini & peserta Kursus dipaksa berkomunikasi dalam bahasa inggeris.

Hadirin sekalian,

Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong telah melaksanakan pengumpulan barang kitar semula dengan jayanya. Pusat sumber ini telah menjadi tempat pendidikan bagi penjagaan alam sekitar dan mendapat perhatian untuk dilawati terutamanya dari pegawai Global Environmental Centre Japan dan United Nations Environment Programme (UNEP). Malahan CIMB Bank juga telah menjalankan program membuat kompos di Permatang Nibong dan difahamkan masih diteruskan. Kini penduduk Permatang Nibong juga telah turut serta menjayakan program kebun kejiranan dan hasil sayur-sayur yang ditanam dibahagikan kepada mereka yang mengambil bahagian dalam aktiviti kebun kejiranan ini. Syabas diucapkan.

Hadirin sekalian,

Memandangkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berhasrat untuk mewujudkan komuniti sisa sifar, penduduk telah menubuhkan Koperasi Perusahaan Hijau Permatang Nibong bagi memastikan kemampanan program yang dianjurkan ini. Koperasi ini akan menjadi agen pemasaran bahan-bahan yang dihasilkan oleh Penduduk. Dengan cara ini Pendapatan Penduduk dapat ditingkatkan dan menjadikan Negeri Pulau Pinang kemiskinan sifar.

Hadirin sekalian,

Saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan program pada hari ini dan membantu MPSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami. Marilah kita bersama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula.

Akhir kata dari saya, dengan lafaz

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

saya merasmikan Bengkel Kitar Semula Kreatif di Pusat Sumber Alam
Sekitar Permatang Nibong, Permatang Pauh.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.